

1103/1
Bahasa
Melayu
Kertas 1
Ogos
2005
2 ¼ jam



SEKOLAH BERASRAMA PENUH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2005

BAHASA MELAYU
KERTAS 1

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI
SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 2 bahagian, iaitu Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak
dan 1 halaman tidak bercetak.

Bahagian A

[Masa dicadangkan: 45 minit]

[30 markah]

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang langkah-langkah untuk mewujudkan integrasi nasional di Malaysia dan kesan-kesannya kepada negara. Panjang huraian, antara 200 hingga 250 patah perkataan.



INTEGRASI NASIONAL DI MALAYSIA

BAHAGIAN B

(Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit)

(100 markah)

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya melebihi 350 patah perkataan.

1. Kejadian bencana alam yang sering berlaku adalah kesan daripada pembangunan pesat sesebuah negara.

Bahaskan pernyataan tersebut.

2. Peribahasa "Genggam bara api, biar sampai jadi arang" amat sesuai dijadikan amalan hidup.

Jelaskan pendapat anda berdasarkan peribahasa tersebut.

3. Sebagai sebuah negara yang beriklim Tropika, Malaysia dikenali sebagai pengeluar pelbagai jenis buah yang lazat dan berkhasiat. Namun industri buah-buahan tempatan masih gagal menembusi pasaran antarabangsa.

Berdasarkan pernyataan di atas, tulis sebuah rencana tentang masalah yang dihadapi dan usaha-usaha untuk memajukan industri buah-buahan tempatan.

4. Rakan anda yang telah lama berada di luar negara ingin mengetahui tentang masalah buli yang semakin serius sejak akhir-akhir ini.

Balas surat rakan anda itu menceritakan masalah tersebut dan usaha-usaha yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasinya.

5. Filem tempatan kurang mendapat tempat di hati penonton terutamanya dalam kalangan remaja.

Berikan cadangan tentang cara-cara untuk menarik minat masyarakat menonton filem-filem tempatan.

KERTAS SOALAN TAMAT